

## KPDNHEP serah notis kepada pengusaha gunting rambut

SARINAH MAT KASIM | 10 Jun 2020



Ain Arjuna semasa mengadakan lawatan ke salah sebuah kedai gunting rambut di sini hari ini.

AA

**SEREMBAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan menyerahkan 12 notis pengesahan maklumat barang dan perkhidmatan kepada pengusaha kedai gunting rambut dalam Op Catut 7.0 (Dandan dan Guting Rambut) hari ini.

Pengaruhnya, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, serahan termasuk notis bertulis tersebut melibatkan tiga kedai gunting rambut di Seremban, Port Dickson (lima) dan Kuala Pilah (empat).

Menurutnya, serahan itu penting bagi memastikan tiada kenaikan caj bagi perkhidmatan pemotongan dan dandan oleh pengusaha kedai gunting rambut.

"Tempoh maklum balas notis yang diberikan kepada peniaga adalah tiga hari bekerja sahaja untuk notis pengesahan maklumat barang manakala lima hari bagi notis bertulis berserta dengan invois jualan dan belian lengkap termasuk perincian dokumen bagi sebarang kenaikan kos bahan.



**Ain Arjuna semasa mengadakan lawatan ke salah sebuah kedai gunting rambut di sini hari ini.**

"Jika maklum balas notis pengesahan maklumat didapati berlaku kenaikan caj perkhidmatan, notis amaran akan dikemukakan kepada peniaga untuk mengambil tindakan penyelarasan caj serta merta dalam tempoh tidak melebihi tarikh maklum balas notis bertulis dikeluarkan.

"Sekiranya hasil analisa pencatutan pula mendapati berlakunya pencatutan, maka peniaga akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011," katanya selepas mengadakan lawatan di C-Cut Management Sdn Bhd di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ain Arjuna mengingatkan peniaga supaya mematuhi arahan dikeluarkan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan.

Menurutnya, pengguna juga mesti mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka sewajarnya supaya tidak tertipu dengan manipulasi harga yang dikenakan pengusaha.

"Kerjasama daripada pengguna untuk melaporkan kepada pihak kementerian jika ada berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah di premis gunting rambut yang dikunjungi amat dialu-alukan," katanya.

Katanya, sebarang aduan boleh dibuat melalui portal [e-aduan@kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my) atau hubungi 03-88826245 atau Whatsapp di talian 019-2794317.

**Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/87155/EDISI/Melaka-NS/KPDNHEP-serah-notis-kepada-pengusaha-gunting-rambut>**